

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**

**MAJLIS PECAH TANAH PADANG TAMAN BERJAYA DAN**  
**PERASMIAN GELANGGANG BERBUMBUNG BOLA KERANJANG**  
**SERTA SEPAK TAKRAW TAMAN BERJAYA, NIBONG TEBAL**

**3 JAN 2015 (SABTU), 5:00 PETANG**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng**

Ahli MMK Kerajaan Negeri merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi)

**Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee**

Adun Jawi

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Soon Lip Chee yang menganjurkan Majlis Pecah Tanah Padang Taman Berjaya Dan Perasmian Gelanggang Berbumbung Bola Keranjang Serta Sepak Takraw Taman Berjaya, Nibong Tebal pada petang ini.

Sebagai makluman YAB, YB dan para hadirin sekalian, terdapat sebanyak 66 buah gelanggang awam sediaada di seluruh Seberang Perai. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 buah gelanggang yang telah dinaiki oleh MPSP iaitu 6 gelanggang badminton, 11 gelanggang sepak takraw, 13 gelanggang bola keranjang, 1 gelanggang tenis dan 1 gelanggang bola tampar. Kos keseluruhan pembaikan 32 gelanggang tersebut adalah sebanyak RM126,417.48.

Walau bagaimanapun untuk taman ini yang berkeluasan 18,988.10m<sup>2</sup>, Majlis hanya membina gelanggang bola keranjang/takraw sahaja, manakala bumbung gelanggang ini dibina dengan menggunakan peruntukan YB kawasan. Kos untuk membaikpulih gelanggang Taman Berjaya adalah RM25,000. Untuk menceriakan lagi taman ini, Majlis juga telah merancang untuk terus mengadakan senamrobik di taman ini pada setiap Ahad minggu ke-empat setiap bulan.

YAB dan para hadirin sekalian,

Melalui Fokus 2015, MPSP merancang untuk menaiktaraf taman-taman awam dan *Pocket Park*. Taman awam yang terlibat adalah Taman Sepadu, SPU, Taman Kimsar, SPT dan Taman Ampang Jajar Kerian, SPS. Manakala bagi *Pocket Park* adalah Taman Selat, SPU, Taman Kuari, SPT dan Taman Belatuk, SPS.

Kerja-kerja menaiktaraf untuk kesemua taman-taman awam akan melibatkan:-

- penyediaan laluan pejalan kaki / jogging,
- kemudahan wakaf,
- penyediaan alatan senaman (outdoor gym),
- laluan refleksiologi,
- kemudahan alat permainan kanak2,
- kemudahan bangku2 taman,
- penanaman pokok teduhan
- papan tanda amaran.

Untuk tahun 2015, MPSP telah memperuntukan sebanyak :-

- RM300,000.00 untuk menaiktaraf taman
- RM500,000.00 untuk pemasangan kemudahan alat mainan

- RM200,000.00 untuk pemasangan kemudahan *outdoor gym*/alat senaman

MPSP juga mengalu-alukan sumbangan/penyertaan dari pihak swasta secara CSR (*Corporate Social Responsibility*) untuk menaiktaraf taman-taman awam. Dengan adanya penyertaan dari pihak swasta, saya percaya lebih banyak taman dapat dinaiktaraf untuk kemudahan orang awam.

YAB dan para hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru penduduk-penduduk di sini untuk menjaga kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan baik dan membantu MPSP mengurangkan perbelanjaan untuk penyelenggaraan dan menggunakan peruntukan yang dijimatkan tersebut untuk tujuan menyediakan kemudahan yang lain kepada masyarakat Seberang Perai.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.